



Ucapan Aluan

YBhg. Datuk Mohd Ali Mansor

Ketua Pengarah IKMa

**Sempena Program Turun Padang Ke Arah
Memasyarakatkan Koperasi (MASKOP)**

18 Februari 2023

ITCC Penampang

(Salutasi diberikan asing/kemudian)

Bismillahirrahmanirrahim

Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh, dan Salam Sejahtera

1. Terlebih dahulu, setinggi-tinggi kesyukuran ke hadrat Allah S.W.T. kerana dengan izin dan limpah kurniaNya, kita dapat bersama pada hari ini berkumpul dalam **“Program Turun Padang Ke Arah Memasyarakatkan Koperasi atau ringkasnya (MASKOP) 2023”** di International Technology & Convention Centre (ITCC), anjuran bersama Kementerian Pembangunan Usahawan dan Koperasi (KUSKOP) dan Institut Koperasi Malaysia (IKMa).
2. Untuk makluman hadirin yang dihormati sekalian, program turun padang kita pada hari ini merupakan sebahagian daripada program yang telah disusun oleh KUSKOP dan IKMa, dalam usaha memperkasakan modal insan dalam gerakan koperasi, khususnya di Negeri Sabah. Pada tahun ini IKMa Zon Sabah telah menyusun sebanyak 60 buah program di seluruh Sabah. Ini bertujuan untuk memberi ilmu dan secara tidak langsung merapatkan lagi hubungan IKMa dengan semua pelanggan yang ada di samping menyebarkan maklumat terkini berkaitan dengan koperasi dan usahawan kepada masyarakat.
3. Selaku penganjur bersama program pada kali ini, saya ingin merakamkan setinggi-tinggi penghargaan, dan ucapan terima kasih khususnya kepada YB Datuk Ewon Benedick Menteri Pembangunan Usahawan & Koperasi kerana dalam kesibukan dan kepadatan jadual, beliau dapat melapangkan masa hadir ke program IKMa pada hari ini. Saya difahamkan bilangan penyertaan

pada hari ini sangat memberangsangkan dengan kehadiran lebih 400 orang yang terdiri daripada koperator, usahawan, mahasiswa, Pegawai Daerah, individu dan penjawat awam persekutuan dan negeri Sabah. Terima kasih saya ucapkan kepada Tuan-tuan dan Puan-puan, kerana dapat meluangkan masa dan komitmen hadir pada hari ini memberi sokongan kepada program IKMa.

PROGRAM MASKOP

Hadirin Sekalian,

4. Sebagai sebuah Institusi latihan, IKMa berikrar akan terus komited untuk memainkan fungsinya membangun modal insan gerakan koperasi yang berpengetahuan dan memiliki jati diri koperasi unggul dalam mendepani persekitaran yang lebih mencabar. Untuk makluman YBM dan hadirin sekalian, program MASKOP ini adalah merupakan salah satu fokus utama IKMa dalam Program Belia dan Masyarakat di mana ia bertujuan untuk memberi informasi kepada koperasi dan usahawan dalam merebut peluang tahun 2023 daripada segi latihan, perniagaan dan ekonomi serta maklumat mengenai bantuan dan sokongan oleh agensi di bawah Kementerian Pembangunan Usahawan dan Koperasi (KUSKOP) dalam menjayakan Dasar Keusahawanan Nasional (DKN) 2030 dan Pelan Transformasi Koperasi Malaysia 2021 – 2025 (TransKoM 2021-2025).
5. Program MASKOP ini merupakan acara tahunan yang diadakan oleh IKMa dan pada tahun ini menyasarkan 30 buah lokasi untuk program turun padang meliputi seluruh Malaysia. Sehingga kini

sebanyak 25 buah program MASKOP telah dilaksanakan di seluruh Malaysia dan Maskop Penampang adalah merupakan kemuncak kepada program Maskop IKMa di mana ia dirasmikan oleh YB Menteri KUSKOP. Untuk Negeri Sabah sahaja, Maskop telah dilaksanakan sebelum ini di Kudat, Keningau, Sandakan, hari ini Penampang dan akan datang di Tawau. Suka juga saya maklumkan IKMa Zon Sabah Cawangan Tawau telah mula beroperasi pada Januari 2023. Kampus cawangan ini dijangka akan dapat membantu usaha penyampaian perkhidmatan serta aktiviti pembangunan modal insan yang lebih fokus serta capaian yang lebih luas kepada warga koperator di sebelah Pantai Timur Sabah.

6. Program ini juga membuka ruang kepada IKMa untuk mendapatkan maklum balas daripada koperator tentang impak program yang telah dilaksanakan dan apakah perkara atau keperluan baharu dari segi latihan yang boleh ditawarkan dan ditambah nilai kepada gerakan koperasi.

STATISTIK KOPERASI DI SABAH

Hadirin sekalian,

7. Seperti yang kita semua maklum, Koperasi merupakan sebuah sektor yang semakin berkembang, dengan pertambahan bilangan dan keanggotaan, serta kedudukan kewangan dan aset yang semakin meningkat di setiap tahun. Menurut statistik SKM sehingga Disember 2022, kita mempunyai 15,315 buah koperasi di Malaysia dengan bilangan anggota seramai 7.05 juta orang, dengan jumlah aset RM159.90 Bilion, Jumlah Syer dan Yuran sebanyak RM16.99

Bilion, dan Turnover sebanyak RM38.49 Bilion. Sudah pasti ini adalah angka yang besar dan peranan anggota sebagai pendukung kepada koperasi perlu diperkasakan. Manakala di Negeri Sabah pula setakat Disember 2022 kita mempunyai sebanyak 1,706 buah koperasi.

8. Sektor koperasi negeri Sabah berada di landasan yang baik untuk terus bergerak dalam pembangunan komuniti secara menyeluruh dan membantu sasaran kerajaan untuk meningkatkan sosio ekonomi masyarakat secara inklusif. Oleh yang demikian, diharapkan para koperator akan mengambil peluang lebih proaktif untuk menyertai dan meningkatkan kapasiti modal insan melalui latihan dan pendidikan yang dirancang dalam Kalender program Tahunan IKMa.

PEMBANGUNAN MODAL INSAN KOPERASI

Hadirin Yang Dihormati,

9. Modal insan yang berkualiti adalah satu kemestian dalam sektor koperasi. Pendidikan dan latihan kemahiran berkualiti yang berterusan juga akan memastikan modal insan koperasi kekal relevan dengan kehendak pasaran, serta mampu berdepan dengan cabaran dan suasana persaingan yang kian meningkat. Apa yang menjadi keutamaan adalah memberi fokus kepada pembangunan sumber manusia dari sudut pengetahuan dan kemahiran tertentu yang dapat memberi pulangan kepada ekonomi sesebuah koperasi, organisasi atau masyarakat.

Datuk-datuk, Datin-datin, Tuan-tuan, Puan-Puan dan Sidang Hadirin sekalian.

10. Selaras dengan Bidang Tujahan 3 di dalam Pelan Transformasi Koperasi Malaysia 2021 – 2025 (TransKoM 2021-2025) berkaitan pengukuhan bakat dan pembangunan modal insan, selain kursus wajib asas yang masih ditawarkan selaras dengan Garis Panduan 5, pada tahun 2023 IKMa akan terus memperkasa Anggota Lembaga (ALK) dengan menawarkan kursus WAJIB PLUS (Program Lanjutan Tadbir Urus Lembaga Koperasi). Kursus ini bertujuan untuk memastikan pembelajaran berterusan bagi ALK dan pengurusan kanan koperasi agar mereka mampu menguruskan koperasi dengan ilmu pengetahuan dan kemahiran semasa yang diperlukan. Pada tahun ini IKMa menawarkan 11 tajuk dalam Modul Wajib Plus yang meliputi Pengurusan dan Pentadbiran Koperasi, Kewangan, Strategik dan juga Teknologi Maklumat.

11. Justeru, IKMa sentiasa melaksanakan penambahbaikan serta bertindak secara komprehensif terhadap sistem pendidikan dan latihan dengan penubuhan Universiti Keusahawanan Koperasi Malaysia (UKKM) dengan tujuan memastikan pendidikan dan latihan yang berkualiti, menyediakan lebih banyak peluang dan akses kepada pendidikan latihan dan pembelajaran sepanjang hayat. UKKM akan melaksanakan langkah bagi merapatkan jurang prestasi latihan dan pendidikan antara koperasi luar bandar dan koperasi bandar dengan menyediakan persekitaran pembelajaran yang lebih kondusif serta tenaga pengajar yang berpengalaman. Modal insan koperasi yang berinovasi dapat memakmurkan,

memajukan dan memartabatkan sektor koperasi sama ada di peringkat kebangsaan mahupun antarabangsa.

PENGISIAN MASKOP 2023 PENAMPANG

12. Hadirin sekalian, saya difahamkan program Maskop pada kali ini selain Tuan Puan mendengar Taklimat daripada KUSKOP, SKM, ANGKASA dan IKMa, sesi perkongsian Bicara Ilmu Inspirasi Kejayaan Koperasi telah disampaikan oleh dua buah koperasi berjaya di Sabah iaitu Koperasi Tanjung Keramat Malaysia Berhad dan Koperasi Pembangunan Desa Saradan Tenghilan Berhad. Saya percaya sedikit sebanyak ia akan membuka minda hadirin tentang entiti koperasi yang mampu menjadi penyumbang penting kepada pertumbuhan ekonomi negara.
13. Pada hari ini juga IKMa akan memberikan Sijil Penghargaan kepada 7 buah koperasi MiRiCLe, Koperasi di bawah bimbingan IKMa Zon Sabah di bawah program Million Ringgit Coop League yang telah berjaya menghasilkan impak dengan membangunkan pelan strategik koperasi masing-masing.
14. Atas dasar keperihatinan IKMa, kami juga menyantuni penerima manfaat dari kawasan Penampang dan Kadamaian untuk menerima sumbangan CSR yang mana sedikit sebanyak dapat membantu organisasi ini untuk meneruskan kelangsungan perniagaan mereka pada masa hadapan.

PENUTUP

Hadirin sekalian.

15. Sebelum mengakhiri ucapan ini, sukalah saya merakamkan sekali lagi ucapan setinggi-tinggi penghargaan dan terima kasih kepada YB Menteri, Dif-Dif Kehormat, Agensi-Agensi dibawah KUSKOP, Datuk-Datuk, Datin-datin, Tuan-tuan dan Puan-puan serta semua warga koperasi, para Usahawan, komuniti setempat atas sokongan untuk Program Memasyarakatkan Koperasi 2023 pada kali ini. Diharapkan program seumpama ini dapat memberi inspirasi, kekuatan dan sokongan demi kemajuan dan kelangsungan gerakan koperasi di Malaysia.

16. Sekian, Wabillahi Taufik Walhidayah Wassalamualaikum Warahmatullahi Wabaraktuh.

Sekian, terima kasih.